

REKA BENTUK KRAF SONGKET DALAM KONTEKS SOSIALISASI DI MUKIM LOSONG KUALA TERENGGANU

NORIZA BINTI MOHD YASIN @HASHIM

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021


**REKA BENTUK KRAF SONGKET DALAM KONTEKS SOSIALISASI
DI MUKIM LOSONG KUALA TERENGGANU**

NORIZA BINTI MOHD YASIN @ HASHIM

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (SENI)**

**FAKULTI SENI, KOMPUTERAN DAN INDUSTRI KREATIF
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2021



Sila Taipkan (✓):

Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan Dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah


/

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 12(hari bulan) JANUARI(bulan) 2021.

i. Perakuan pelajar :

Saya, NORIZA BINTI MOHD YASIN @ HASHIM. M20141001021. FAKULTI SENI KOMPUTERAN DAN INDUSTRI KREATIF dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk REKA BENTUK KRAF SONGKET DALAM KONTEKS SOSIALISASI DI MUKIM LOSONG, KUALA TERENGGANU adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya


Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, PROF. MADYA DR. ABDUL HALIM BIN HUSAIN dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk REKA BENTUK KRAF SONGKET DALAM KONTEKS SOSIALISASI DI MUKIM LOSONG, KUALA TERENGGANU dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA PENDIDIKAN SENI.


Tandatangan Penyelia

Tarikh



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN
DECLARATION OF THESIS**

Tajuk / Title: REKA BENTUK KRAF SONGKET DALAM KONTEKS
SOSIALISASI DI MUKIM LOSONG, KUALA
TERENGGANU.

No. Matrik / Matric's No.: M20141001021
Saya / I: NORIZA BINTI MOHD YASIN @ HASHIM

mengaku membenarkan Tesis(Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledged that my Thesis is kept at Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) and reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / *Please tick (✓) for category below:-*

☐

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*

☐

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*

☐

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: _____

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Alhamdulillah syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya penulisan ini dapat disiapkan dengan jayanya walaupun terpaksa menempuhi pelbagai cabaran di sepanjang penyelidikan ini. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih saya rakamkan kepada penyelia utama saya iaitu Prof. Madya Abdul Halim bin Husain dan penyelia bersama Puan Jamilah binti Omar yang sentiasa memberi idea, tunjuk ajar, bimbingan, dorongan dan teguran yang membina. Sesungguhnya segala nasihat dan bimbingan yang diberikan amat saya hargai dan telah banyak membantu saya mengenali dunia akademik dengan lebih mendalam. Moga Allah akan terus memberkati jasa dan ilmu yang dicurahkan.

Di kesempatan ini juga, saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada Bahagian Tajaan Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia kerana telah memberi peluang kepada saya cuti belajar sepenuh masa bagi menjalankan penyelidikan dan seterusnya menyelesaikan penulisan tesis ini. Ucapan terima kasih juga dihulurkan kepada EPRD, Jabatan Pengajian Tinggi, kakitangan Fakulti Pendidikan, UPSI yang telah banyak membantu dan memberikan kerjasama sepanjang pengajian saya. Tidak lupa ucapan terima kasih kepada semua informan khususnya kepada En Hafsini Abd Aziz sekeluarga yang telah terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan kajian ini. Tanpa kerjasama mereka sudah tentu segala maklumat yang diperlukan untuk kajian ini tidak dapat diperoleh. Begitu juga kepada semua yang telah membantu saya, sama ada secara langsung dan tidak langsung, budi baik dan keikhlasan kalian akan saya kenang dan Allah S.W.T jualah yang membalasnya.

Akhir sekali penghargaan khusus saya nukil kan buat ayahanda dan bonda yang telah banyak berkorban ketika membesarkan dan mendidik saya. Semoga ayahanda dan bonda bangga dapat berkongsi kejayaan ini, seperti yang diimpikan sebelum ini. Teristimewa dinukilkan penghargaan buat suami tercinta Muhammad Halid bin Abd Hamid di atas kesabaran, kesudian menghulurkan bantuan apabila diperlukan dan menemani saya ketika kajian ini dijalankan serta anak-anak yang dikasihi. Terima kasih untuk segalanya.



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengenal pasti proses sosialisasi dalam kalangan keluarga penenun serta masyarakat di Mukim Losong, Kuala Terengganu. Terdapat segelintir penenun yang masih aktif dan mewarisi kemahiran bidang kraf songket ini menerusi sosialisasi. Penyelidik turut menjelaskan penyampaian ilmu kemahiran kraf yang berlaku dalam konteks pembelajaran tidak formal melalui ejen sosialisasi seperti institusi keluarga dan institusi pendidikan dalam keluarga penenun. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kes. Data-data diperolehi melalui kaedah pemerhatian, temu bual bersama informan, rakaman visual dan dokumentasi. Dapatan data di lapangan dianalisis secara berterusan menggunakan model Interaktif Miles dan Huberman. Hasil penyelidikan ini menunjukkan bahawa proses sosialisasi dalam menurunkan ilmu kemahiran menenun yang dipengaruhi oleh faktor persekitaran, luaran dan dalaman telah memberi impak kepada golongan penenun di Mukim Losong, Kuala Terengganu sama ada dalam proses pembuatan mahupun penciptaan motif tenunan. Kesimpulan daripada kajian ini menunjukkan bahawa proses sosialisasi secara tidak langsung memberi kesan khususnya terhadap persekitaran seharian dan keluarga penenun. Implikasi penyelidikan ini secara amnya menunjukkan pendedahan dan peralihan ilmu kemahiran kraf songket menerusi sosialisasi keluarga dan masyarakat setempat serta memainkan peranan penting dalam meneruskan warisan tenunan songket di Terengganu.

THE DESIGN OF SONGKET CRAFTING WITHIN THE SOCIALIZATION CONTEXT IN MUKIM LOSONG, KUALA TERENGGANU

ABSTRACT

This research intends to identify the socialization process among the families of songket weavers and the society in Mukim Losong, Kuala Terengganu. There are a number of songket weavers who inherit and practiced the skills of songket craft through socialization. This researcher also proposed to explain the skills of songket crafting were imparted through the context of informal learning via socialization agents, such as institutions of learning and family institutions, within the family of songket weavers. This research utilizes a case study approach. The data were collected through observations, interviews, visual recordings and documentations. The data are analyzed continuously using Miles Interactive and Huberman model. The research result shows that socialization process, influenced by environmental factors both from within and without, greatly impacts the families of the songket weavers in Mukim Losong, Kuala Terengganu, whether in the production process or the creation of motives for the songket. In conclusion, this research shows that the socialization process has an indirect impact on the daily surroundings, and especially on the families of songket weavers. The implication of this research means that exposure to the skills of songket craft and the society; play an important role in ensuring the continuation of songket weaving in Terengganu.

**KANDUNGAN****Muka Surat**

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI LAMPIRAN	xviii
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Permasalahan Masalah Kajian	5
1.3 Objektif Kajian	9
1.4 Persoalan Kajian	10
1.5 Kepentingan Kajian	10
1.6 Fokus Kajian	12
1.6.1 Batasan Kajian	12



BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1	Latar Belakang Terengganu	13
2.2	Latar Belakang Daerah Kuala Terengganu	15
2.3	Sejarah Kampung Losong Haji Mat Shafie	16
2.4	Sosialisasi	19
2.4.1	Jenis-jenis Sosialisasi	27
2.4.1.1	Sosialisasi Primer	27
2.4.1.2	Sosialisasi Sekunder	28
2.4.1.3	Sosialisasi Semula	28
2.4.2	Pendidikan	29
2.4.2.1	Pendidikan Formal	30
2.4.2.2	Pendidikan Informal	31
2.5	Kraf Songket	33
2.5.1	Sejarah	36
2.5.2	Definisi Kraf Tradisional	43
2.5.3	Reka bentuk, Proses Pembuatan dan Fungsi Kraf Songket	43
2.5.4	Keistimewaan dan Cabaran Kraf Songket	59
2.6	Salasilah Keluarga Hafsin Abd Aziz	64
2.7	Lokasi Bengkel Tenunan Songket Hafsin Abd Aziz	69
2.8	Bengkel Tenunan Songket Hafsin Abd Aziz	70
2.9	Kerangka Konsep	70

2.10	Definisi Operasional	71
2.10.1	Konsep Kraf Songket	71
2.10.1.1	Reka bentuk Kraf Songket	72
2.10.1.2	Fungsi Kraf Songket	73
2.10.2	Konsep Sosialisasi dalam Kemahiran Kraf Songket	73
2.10.2.1	Konsep Sosialisasi dalam Institusi Keluarga	73
2.10.2.2	Konsep Sosialisasi dalam Institusi Pendidikan	75
2.10.3	Konsep Sistem Sosial dalam Kemahiran Kraf Songket	75
2.10.3.1	Nilai	76
2.10.3.2	Perilaku	76
2.10.3.3	Keperluan	77

BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pengenalan	79
3.2	Reka bentuk Kajian	80
3.3	Lokasi Kajian	84
3.4	Fokus Peserta Kajian	85
3.5	Prosedur dan Teknik Pengumpulan Data	85
3.5.1	Data Pemerhatian	86
3.5.2	Data Temu Bual	87
3.5.3	Data Dokumentasi	87
3.5.4	Data Rakaman Visual	89

3.6	Matrik Pengumpulan Data	89
3.7	Kaedah Analisis Data	90
3.8	Rumusan	93

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	94
4.2	Analisis Kesenian Pembuatan Kraf Songket	95
4.2.1	Analisis Reka bentuk dan Fungsi Kraf Songket	98
4.2.2	Analisis Motif dan Corak	110
4.2.3	Analisis Proses Pembuatan Kraf Songket	119
4.2.4	Analisis Fungsi Kraf Songket	122
4.3	Analisis Sosialisasi Melalui Ejen Sosialisasi	124
4.3.1	Keluarga	127
4.3.2	Institusi Pendidikan	131
4.4	Analisis Pengaruh Sistem Sosial Terhadap Pembuatan Kraf Songket di Kampung Losong Haji Mat Shafie	134
4.4.1	Nilai	135
4.4.2	Perilaku	137
4.4.3	Keperluan	138

BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	140
5.2	Perbincangan Dapatan Kajian	141
5.2.1	Perbincangan Tentang Reka bentuk Tenunan Kraf Songket dalam Ahli Keluarga Penenun	142

5.2.2	Perbincangan Tentang Tenunan Kraf Songket dalam Sosialisasi Keluarga Penenun Hafsini Abd Aziz	144
5.3	Kesimpulan	148
5.4	Cadangan	149
5.5	Cadangan Penyelidikan Akan Datang	150
RUJUKAN		152

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
3.1	Matrik Pengumpulan Data. Sumber: Penyelidik, (2015)	89
4.1	Analisis Bentuk Kraf Songket dalam Tenunan Keluarga Hafsin Abd Aziz	100
4.2	Analisis Reka bentuk Kraf Songket dalam Tenunan Keluarga Hafsin Abd Aziz	101
4.3	Analisis Corak dan Motif Pakaian/Baju Persalinan Pengantin Melayu	107
4.4	Analisis Konsep Corak Kraf Songket dalam Tenunan Keluarga Hafsin Abd Aziz	111
4.5	Analisis Bentuk Flora dalam Kraf Songket Hafsin Abd Aziz. Sumber: Penyelidik, (2015)	112
4.6	Analisis Bentuk Fauna dalam Kraf Songket Hafsin Abd Aziz. Sumber: Penyelidik, (2015)	117
4.7	Analisis Bentuk Gabungan dalam Kraf Songket Hafsin Abd Aziz. Sumber: Penyelidik, (2015)	118

SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
2.1 Peta Menunjukkan Kedudukan Daerah Kuala Terengganu. Sumber: https://www.google.com.my/search?q=peta	14
2.2 Peta Mukim Losong Kuala Terengganu. Sumber: Google Map	15
2.3 Peta Kampung Losong Kuala Terengganu. Sumber: Google Map	16
2.4 Haji Ahmad Shafie bin Haji Muhammad Amin. Sumber: Buku Ulama <i>Suatu Sorotan</i>	18
2.5 Struktur Kain Songket. Sumber: https://songket-terengganu.com/	35
2.6 Contoh Susunan Bunga Penuh. Sumber: https://songket-terengganu.com/	46
2.7 Contoh Susunan Bunga Penuh. Sumber: https://songket-terengganu.com/	47
2.8 Contoh Susunan Bunga Penuh. Sumber: https://songket-terengganu.com/	47
2.9 Contoh Susunan Bunga Tabur. Sumber: https://songket-terengganu.com/	47
2.10 Contoh Susunan Bunga Tabur. Sumber: https://songket-terengganu.com/	48
2.11 Contoh Susunan Bunga Bercorak. Sumber: https://songket-terengganu.com/	48
2.12 Contoh Susunan Bunga Bercorak. Sumber: https://songket-terengganu.com/	49
2.13 Contoh Susunan Bunga Bercorak. Sumber: https://songket-terengganu.com/	49

2.14	Contoh Susunan Berterabur Ulangan Serong. Sumber: https://songket-terengganu.com/	50
2.15	Contoh Susunan Bunga Penuh. Sumber: https://songket-terengganu.com/	50
2.16	Contoh Susunan Corak Melintang. Sumber: https://songket-terengganu.com/	51
2.17	Contoh Corak Berdiri. Sumber: https://songket-terengganu.com/	51
2.18	Contoh Corak Siku Keluang. Sumber: https://songket-terengganu.com/	52
2.19	Contoh Corak Berterabur Ulangan Selang-seli. Sumber: https://songket-terengganu.com/	52
2.20	Contoh Corak Tapak Catur. Sumber: https://songket-terengganu.com/	53
2.21	Contoh Corak Pucuk Rebung. Sumber: https://songket-terengganu.com/	53
2.22	Contoh Motif Semut Beriring. Sumber: https://songket-terengganu.com/	54
2.23	Contoh Motif Pucuk Rebung. Sumber: https://songket-terengganu.com/	55
2.24	Contoh Motif Lebah Bergantung/Bergayut. Sumber: https://songket-terengganu.com/	55
2.25	Contoh Motif Tapak Sulaiman. Sumber: https://songket-terengganu.com/	56
2.26	Contoh Motif Tampuk Manggih (tapak manggis). Sumber: https://songket-terengganu.com/	56
2.27	Contoh Motif Lawi Ayam. Sumber: https://songket-terengganu.com/	57

2.28	Contoh Motif Bunga Raya. Sumber: https://songket-terengganu.com/	57
2.29	Contoh Motif Paku Pakis. Sumber: https://songket-terengganu.com/	58
2.30	Contoh Motif Tepung Talam, Seri Kaya, Wajik. Sumber: https://songket-terengganu.com/	59
2.31	Contoh Motif Bunga Bintang. Sumber: https://songket-terengganu.com/	59
2.32	Foto Encik Hafsin bin Abd Aziz. Sumber: Penyelidik, (2015)	64
2.33.	Salasilah Keluarga Hafsin Abd Aziz. Sumber: Ruwaida Farah Hani binti Hafsin.	65
2.34	Foto Keluarga Encik Hafsin Abd Aziz. Sumber: Ruwaida Farah Hani binti Hafsin.	66
2.35	Foto Keluarga Encik Hafsin Abd Aziz. Sumber: Ruwaida Farah binti Hafsin.	66
2.36	Lokasi Bengkel Tenunan Songket (Hafsin Songket). Sumber: Penyelidik, (2015)	69
2.37	Pelan lantai kediaman dan bengkel Hafsin Songket. Sumber: Penyelidik, (2015)	70
2.38	Kerangka Konsep Sosialisasi Kraf Songket daripada Gabungan Konsep Sistem Sosial. Sumber: Giddens, (1993), Polmer, P, (1997)	71
3.1	Model Analisis Interaktif. Sumber: Miles & Huberman, (1994)	90
4.1	Produk Kain Samping 1 ditunen oleh Hafsin Abd Aziz. Sumber: Penyelidik, (2015)	102
4.1.1	Analisis Corak dan Motif Kain Samping 1. Sumber: Penyelidik, (2015)	102

4.2	Produk Kain Samping 2 ditunen oleh Hafsin Abd Aziz. Sumber: Penyelidik, (2015)	103
4.2.1	Analisis Corak dan Motif Kain Samping 2. Sumber: Penyelidik, (2015)	103
4.3	Produk Kain Samping 3 ditunen oleh Hafsin Abd Aziz. Sumber: Penyelidik, (2015).	104
4.3.1	Analisis Corak dan Motif Kain Samping 3. Sumber: Penyelidik, (2015)	104
4.4	Produk Kain Samping 4 ditunen oleh Hafsin Abd Aziz. Sumber: Penyelidik, (2015).	105
4.4.1	Analisis Corak dan Motif Kain Samping 4. Sumber: Penyelidik, (2015)	105
4.5	Produk Kain Samping 5 ditunen oleh Hafsin Abd Aziz. Sumber: Penyelidik, (2015).	106
4.5.1	Analisis Corak dan Motif Kain Samping 5. Sumber: Penyelidik, (2015)	106
4.6	Produk Pakaian/Baju Persalinan Pengantin Melayu dihasilkan oleh Hafsin Abd Aziz. Sumber: Penyelidik, (2015).	107
4.7.	Produk Tengkolok dihasilkan oleh Hafsin Abd Aziz. Sumber: Penyelidik, (2015).	108
4.8	Produk Selempang dihasilkan oleh Hafsin Abd Aziz. Sumber: Penyelidik, (2015).	108
4.9	Produk Kotak Serbaguna dihasilkan oleh Hafsin Abd Aziz. Sumber: Penyelidik, (2015).	109
4.10	Produk Bekas Pensil dihasilkan oleh Hafsin Abd Aziz. Sumber: Penyelidik, (2015).	109
4.11	Produk Kotak Tisu dihasilkan oleh Hafsin Abd Aziz. Sumber: Penyelidik, (2015).	109

4.12	Produk Bekas Bunga Telur dihasilkan oleh Hafsin Abd Aziz. Sumber: Penyelidik, (2015).	110
4.13	Produk Buku Catatan/Nota dihasilkan oleh Hafsin Abd Aziz. Sumber: Penyelidik, (2015).	110
4.14	Analisis Motif Bunga Tanjung. Sumber: Penyelidik, (2015).	113
4.15	Analisis Motif Bunga Sinar Matahari/Sinar Tari. Sumber: Penyelidik, (2015).	114
4.16	Analisis Motif Bunga Lawang. Sumber: Penyelidik, (2015).	114
4.17	Analisis Motif Biji Selasih. Sumber: Penyelidik, (2015).	115
4.18	Analisis Motif Bunga Kipas. Sumber: Penyelidik, (2015).	116
4.19	Analisis Motif Kuda Laut Penuh. Sumber: Penyelidik, (2015).	117
4.20	Analisis Motif Pucuk Rebung Gigi Yu. Sumber: Penyelidik, (2015).	118
4.21	Analisis Motif Pucuk Rebung Lawi Pending. Sumber: Penyelidik, (2015).	119
4.22	Kei Tenun. Sumber: Penyelidik, (2015).	120
4.23	Struktur Kei Tenun. Sumber: Penyelidik, (2015).	121
4.24	Pelanggan berkunjung ke kediaman Encik Hafsin Abd Aziz untuk memilih dan membeli kain samping. Sumber: Penyelidik, (2015)	124
4.25	Antara koleksi songket tenunan Hafsin Abd Aziz. Sumber: Penyelidik, (2015)	124
4.26	Encik Hafsin Abd Aziz memberi tunjuk ajar kepada anaknya. Sumber: Penyelidik, (2015)	128

SENARAI LAMPIRAN

- A Panduan Temu Bual
- B Temu Bual
- C Data Pengumpulan Dokumen
- D Rekod Pemetaan Wilayah/Lokasi Bengkel Kraf Songket Di Mukim
Losong, Kuala Terengganu
- E Instrumen Analisis Karya

BAB 1

PENDAHULUAN

Secara umumnya, kecantikan dan keindahan adalah sangat abstrak. Adalah menjadi lumrah kehidupan manusia menyukai sesuatu yang indah sejak azali lagi. Setiap keindahan mempunyai ‘seni’ yang tersendiri dan ia hanya mampu ditafsirkan bersandarkan persepsi individu masing-masing.

Kesenian telah wujud sejak permulaan kehidupan manusia dan sekali gus ia adalah merupakan sebahagian daripada keseluruhan kitaran kehidupan yang tidak dapat dipisahkan. Semua itu merujuk kepada keunikan kesenian yang dapat dilihat dari aspek usianya sebagai sebahagian dari kebudayaan manusia. Namun begitu, ia tidak bermaksud bahawa semua bentuk seni itu sentiasa wujud. Malah terdapat kepelbagaian ekspresi estetik berkembang secara langsung dalam setiap kesenian



budaya serta kepelbagaian corak dan bentuk penghasilannya. Ia berbeza bergantung kepada budaya dan hiraki-hiraki sosial tertentu. Aspirasi, sumber dan keperluan yang berbeza dari segi bentuk, jenis dan sifatnya ataupun kuantiti dan kualitinya pada pelbagai kelompok masyarakat untuk berekspresi estetik telah memberi bentuk dan corak ungkapan yang khas pada karya seni yang dihasilkan manusia.

Namun begitu, secara sedar mahupun tidak sedar, setiap masyarakat mampu mengembangkan nilai-nilai dan estetika seninya melalui pandangan, aspirasi, keperluan dan ideanya tersendiri. Faktor-faktor yang menyumbang kepada keperluan estetika tersebut dipengaruhi oleh aspek budaya dan sistem bersepadu secara keseluruhan. Proses untuk memenuhi keperluan estetika ini ditentukan berdasarkan pembentukan nilai dan asas dalam sesebuah masyarakat amnya. Secara tidak langsung, ia cenderung untuk diwujudkan dan diwariskan kepada generasi seterusnya.

Masyarakat ditafsirkan sebagai sebuah kelompok kehidupan sosial manusia yang mendiami suatu penempatan tertentu yang hidup dalam dan juga menghadapi cabaran serta rangsangan-rangsangan persekitaran serta alam semula jadi tersebut. Mereka secara dialektik mengembangkan kebudayaan dan sekali gus menggunakannya secara bersama sebagai pedoman untuk strategi adaptasi dalam keupayaan memenuhi keperluan hidupnya (Haris dan Molan, 1990).

Secara amnya, logik hidup bermasyarakat dan berbudaya akan mempengaruhi seseorang individu itu terikat dengan sistem sosial dan budaya yang diamalkan dan dikongsi bersama dan seterusnya dikembangkan secara menyeluruh dan berterusan. Maka, sebagai individu, setiap ahli masyarakat akan berdepan itu bukan sahaja





dengan cabaran dan rangsangan dari sumber alam semula jadi. Selain itu, ia akan berhadapan dengan persekitaran sosial dan budaya yang dibentuk dalam sesebuah masyarakat.

Oleh yang demikian, untuk mengekalkan, mempertahankan dan mempertingkatkan sesebuah kehidupannya, seseorang manusia sentiasa dituntut untuk mengadaptasikan diri dengan persekitaran yang dihadapinya berdasarkan prinsip kebudayaan yang diamalkannya. Setiap cabaran yang dihadapi oleh manusia terhadap persekitaran (alam, fizikal, sosial dan budaya) secara tidak langsung dapat membantu mereka menyesuaikan diri dan juga mengantisipasi dengan perubahan-perubahan persekitaran yang berlaku dari semasa ke semasa.



budaya telah menjadikan pembelajaran dan pendidikan sebagai fungsi utama bagi mengekalkan, melanjutkan dan mempertingkatkan kewujudannya agar dapat beradaptasi terhadap persekitarannya bagi menghadapi peringkat kehidupan yang lebih sempurna. Melalui proses pembelajaran dan pendidikan, setiap individu dapat mengenal pasti, mengadaptasi dan mewarisi nilai-nilai kebudayaan. Di antaranya termasuklah kepercayaan-kepercayaan, ilmu pengetahuan, nilai-nilai atau teknologi yang sangat diperlukan untuk menghadapi persekitarannya.

Malaysia merupakan sebuah negara majmuk yang mempunyai berbilang kaum yang kaya dengan tinggalan khazanah tradisi yang tidak ternilai. Dari Perlis sampailah ke Sabah, terkenal dengan pelbagai kaum dan budaya yang berbeza. Ia menyerlahkan lagi kekayaan warisan budaya yang pelbagai dan seterusnya memberi kesan langsung





kepada kehidupan bermasyarakat. Dalam bidang seni pula, pelbagai hasil kraf yang unik masih dikekalkan dan terpelihara mengikut kaum di seluruh negeri. Malah ia turut berkembang berdasarkan identiti masyarakat, kebudayaan dan persekitarannya.

Masyarakat di Malaysia sangat kaya dengan warisan seni halus yang diwarisi sejak zaman berzaman. Sebagai contoh, tenunan songket adalah merupakan salah satu cabang seni halus yang sangat sinonim dengan masyarakatnya yang merangkumi dari pelbagai etnik dan kebudayaan. Kehalusan seni dan kreativitinya begitu jelas diadaptasikan dalam setiap kehalusan kerja tradisional ini. Antara negeri yang mengeluarkan songket termasuklah Terengganu, Pahang, Kelantan dan Sabah. Hasil songket setiap negeri adalah berbeza dan unik berdasarkan pembuatan dan coraknya.



kehalusan khazanah kesenian tekstil masyarakat Melayu tradisional. Selain itu, ianya juga adalah sebagai satu pencetus idea dan pemangkin kepada pakar-pakar pereka tekstil generasi moden, terutamanya para pelajar yang sedang mendalami cabang seni ini. Malah ia juga dapat membantu mengembangkan lagi industri fesyen tanah air.

Keindahan tenunan songket adalah merupakan satu cabang seni yang sangat unik. Songket mempunyai nilai estetika yang sangat tinggi dalam warisan budaya Melayu. Penghasilannya melalui benang emas dan perak yang berkualiti menjadikan ia sebuah hasil seni yang bernilai sejak dahulu lagi.



1.2 Pernyataan Masalah Kajian

Pendedahan kraf songket di kalangan masyarakat khususnya di Kuala Terengganu hanya tertumpu di beberapa tempat sahaja walaupun ianya telah lama berkembang sejak dulu lagi. Namun hanya segelintir golongan masyarakat yang masih mengekalkan warisan kraf songket secara berterusan melalui warisan generasi yang terdahulu dalam kalangan ahli keluarga. Dalam menghadapi arus pemodenan masyarakat kini, peranan warisan budaya setempat haruslah dilihat sebagai suatu aset yang perlu dipelihara dan dikekalkan supaya tidak luput ditelan zaman.

Songket adalah budaya warisan yang mampu memberi suatu nilai tambah dari aspek aplikasi dan peranan dalam masyarakat. Nilai yang wujud dalam karya tekstil songket ini perlu dihargai sebagai sebahagian dari nilai masyarakat dan bukan semata-mata untuk tontonan umum di dalam dewan pameran sahaja.

Menurut Siti Hayati (2011), warisan masyarakat Melayu dalam penghasilan produk semakin terhapus seperti mana dalam kraf tangan. Antara faktor yang menyumbang kepada kepupusan penggunaan kraf adalah kerana tiada usaha yang diketengahkan secara khas untuk mempopularkannya secara langsung. Malah hasil kraf tangan dianggap sebagai barang mewah untuk dijadikan hiasan semata-mata. Selain itu, kekurangan penenun mahir pada masa kita turut menenggelamkan karya seni kraf tangan di kalangan masyarakat setempat. Masyarakat Melayu dikatakan tiada lagi menjadi pencipta atau penghasil yang hebat namun sebaliknya hanya menjadi pengguna sahaja.

“Boleh dikatakan kepentingan kraf tidak lagi menjadi pilihan masyarakat kini. Ini disebabkan sesuatu barangan kraf misalnya, didapati dengan mudah dan cepat.” (Siti Hayati. 2011)

Aspek sosialisasi kesenian berasaskan songket dalam masyarakat setempat sewajarnya digandakan peranan tenaga penenun mahir dalam memastikan kesinambungan songket sebagai warisan budaya negara. Proses sosialisasi kesenian ini perlu diteruskan dalam kehidupan masyarakat yang kini semakin jauh ketinggalan dalam mengekalkan aspek budaya warisan Melayu. Cabaran utama dalam isu ini adalah kekurangan tenaga penenun mahir di kalangan generasi muda. Malah, penggunaan tenaga manusia telah diambil alih melalui penggunaan mesin bagi menghasilkan songket di era moden ini.

Malah perusahaan kraf songket juga mampu menerapkan nilai kesabaran dalam proses penghasilan songket yang berkualiti. Nilai kesabaran perlu dipupuk secara natural supaya ia dapat diaplikasikan secara berhemah dalam proses pembuatan songket. Ini kerana proses-proses pembuatan songket amatlah rumit dan memerlukan masa dan kesabaran penenun tersebut untuk menghasilkan songket yang bermutu tinggi. Oleh yang demikian, setiap penenun perlulah berdedikasi dan menyelami setiap hasil karya yang dihasilkan bagi mengilhamkan hasil tenunan songket yang berkualiti dan penuh nilai-nilai keistimewaannya yang tersendiri. Kebiasaannya, penenun telah dididik dari awal untuk memahami setiap proses yang perlu diperhalusi dan seterusnya menanamkan sifat sabar bagi menghasilkan tenunan songket tersebut. Pembuatan sehelai tenunan songket mengambil masa antara sebulan hingga tiga bulan bergantung kepada tahap kerumitan tenunan songket dan tahap kecekapan penenun tersebut.



Nilai estetika sebuah karya seni adalah sangat subjektif. Ia terhasil daripada ilham dan kreativiti penenun itu sendiri. Penghasilan songket juga turut menitikberatkan nilai estetika dalam aspek pembuatannya. Malah, ia tidak dapat dihasilkan melalui pendidikan formal semata-mata kerana ia turut bergantung kepada kecenderungan dan minat individu itu sendiri. Nilai estetika ini mampu dipertahankan menerusi pewarisan ilmu menenun songket dari penenun-penenun songket lama agar karya seni ini terus kekal keunikan tradisinya. Kebanyakan keluarga penenun mewariskan ilmu menenun songket kepada ahli keluarga dan sahabat handai mereka untuk memastikan kesinambungan nilai estetika keluarga mereka.

Namun begitu, isu-isu ini dapat ditangani dan diselesaikan dengan memberikan kesedaran secara berterusan kepada penenun dan masyarakat setempat tentang betapa pentingnya penerapan nilai estetika secara tradisional dalam pembuatan songket. Walaupun sebahagian industri songket telah beralih kepada penggunaan teknologi moden yang berasaskan mesin, namun ia tidak mampu menandingi hasil tenunan secara tradisional. Walau bagaimana pun, penggunaan teknologi moden juga masih boleh diaplikasikan dalam pembuatan songket dengan menerapkan dan mengadaptasikan ciri-ciri estetika tradisional songket itu sendiri. Antaranya, dengan mengekalkan corak dan motif tradisi yang telah diguna pakai secara awal pembuatan songket oleh penenun lama dan menerapkan nilai keunikannya dengan pembuatan songket menggunakan mesin.



Selain telepek dan limar Melayu, songket adalah antara kain yang bernilai tinggi harganya namun masih ada pihak tertentu yang tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan menggunakan pelbagai helah untuk menjual fabrik atau tekstil tiruan kepada pelanggan. Menurut Zubaidah Sual (2016) dalam artikel Harian Metro :

‘Antara kes pernah dikesan sebelum ini membabitkan kain limar berayat iaitu kain abad ke-18 yang digunakan untuk menutup keranda atau dijadikan ‘azimat’. Jika mengikut keadaan sebenar, tulisan kalimah Allah dan ayat suci ditenun atas kain itu, namun ia sebaliknya hanya dicetak sekali gus menampakkan kepalsuannya. Selain itu, turut membabitkan penggunaan cop baru pada kain telepek tanpa menggunakan teknik asal selain menanam kain di dalam tanah kononnya untuk menjadikan ia kelihatan lebih lama’.

Menurut Arshad dalam Hanim (2014), amalan gaya hidup dan peradaban bagi sesebuah masyarakat itu disebarkan melalui pendidikan, lahir dari pegangan dan kecenderungan diri masyarakat berkenaan dalam berbagai-bagai bidang hidup, untuk memberi kepuasan dan merangsang pembangunan sesebuah masyarakat itu. Bagaimana ia boleh menjadi amalan gaya hidup adalah berdasarkan sistem warisan yang dipelajari secara tidak formal tetapi berterusan.

Penyelidik dengan ini akan mengkaji kewujudan sosialisasi sistem pendidikan secara informal terhadap kemahiran kraf songket yang berlaku di kalangan para penenun khususnya keluarga penenun songket Encik Hafsin bin Abd Aziz di Kampung Losong Haji Mat Shafie, Kuala Terengganu. Beliau merupakan salah seorang pewaris dalam keluarga yang memiliki kemahiran menenun songket di kalangan adik-beradikinya. Kemahiran menenun songket ini diwarisinya sejak kecil lagi. Oleh yang demikian, beliau merasa bertanggungjawab untuk meneruskan dan memperjuangkan seni tenunan songket ini secara komersial. Harapan beliau agar warisan menenun songket ini dapat diteruskan kesinambungannya melalui anak-

anaknya yang kini sedang berjinak-jinak dengan kemahiran menenun songket dan seterusnya bakal menjejaki kemahiran tersebut suatu hari nanti.

1.3 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti tentang seni penghasilan kraf songket dalam konteks sosialisasi keluarga penenun Encik Hafsini bin Abd Aziz. Penjelasan konsep nilai, perilaku, dan keperluan yang mempengaruhi kraf songket serta proses sosialisasi turut dibincangkan dalam kajian ini.

Penyelidik memberikan fokus kepada:

- 1) Mengetahui reka bentuk kraf songket di Mukim Losong, Kuala Terengganu.
- 2) Menjelaskan proses peralihan kemahiran penenun kraf songket melalui ejen sosialisasi di Mukim Losong, Kuala Terengganu.
- 3) Mengetahui proses sosialisasi yang dapat mempengaruhi konsep sosial dalam aktiviti penghasilan kraf songket Mukim Losong, Kuala Terengganu.



1.4 Persoalan Kajian

Persoalan utama kajian ini, merangkumi tentang bagaimana berlakunya sosialisasi kemahiran kraf songket dalam masyarakat di Mukim Losong, Kuala Terengganu. Untuk mencapai objektif kajian, beberapa sub-sub persoalan kajian secara terperinci telah dibina seperti berikut:

- 1) Apakah reka bentuk dan fungsi kraf songket yang dihasilkan di Mukim Losong Kuala Terengganu?
- 2) Bagaimanakah proses peralihan kemahiran penenun kraf songket melalui ejen sosialisasi di Mukim Losong Kuala Terengganu?
- 3) Bagaimanakah proses sosialisasi dapat mempengaruhi konsep sosial dalam aktiviti penghasilan kraf songket Mukim Losong Kuala Terengganu?



1.5 Kepentingan Kajian

Hasil kajian ini amat penting untuk memastikan seni kraf songket terus dianggap sebagai satu kepentingan dalam mengekalkan warisan budaya khususnya kepada generasi muda. Ia sangat penting bagi memastikan kelangsungannya dalam aktiviti sedia ada dan mengambil langkah positif untuk menangani masalah tersebut. Selain itu, ia dapat melihat bagaimana proses sosialisasi yang berlaku dalam penghasilan kraf songket yang turut memberi kesan langsung ke atas masyarakat setempat amnya.



- 1) Secara teori, pendedahan pembelajaran tentang kemahiran seni kraf secara tidak formal ini dapat diaplikasikan sebagai satu bahan rujukan kepada guru mahupun murid khususnya dalam subjek mata pelajaran Pendidikan Seni Visual. Malah, para pengkaji seni kraf juga turut mendapat manfaat dengan menjadikan kajian ini sebagai sumber maklumat dan rujukan mengenai ilmu kemahiran kraf berkaitan sosialisasi dan pendidikan informal.
- 2) Dari aspek praktikal pula, ilmu kemahiran dalam kraf ini dapat dimanfaatkan secara lebih mendalam melalui kaedah atau proses-proses yang berlaku dalam pendidikan informal ini menerusi keluarga atau masyarakat sekeliling. Malah, ianya turut relevan untuk dijadikan satu contoh atau model dalam pembelajaran dan pengajaran bagi subjek Pendidikan Seni Visual di sekolah.
- 3) Sumber maklumat yang diperolehi daripada penyelidikan ini juga dapat membantu memberi kefahaman yang lebih jelas bahawa pendidikan kraf ini amat penting dalam usaha untuk memelihara warisan budaya masyarakat Melayu.



1.6 Fokus Kajian

Kajian ini berfokus pada seni pembuatan kraf songket di Mukim Losong, Terengganu. Kajian ini tertumpu kepada peralihan ilmu kemahiran dalam proses pembuatan, pengaruh perilaku, keperluan serta nilai kraf songket di kampung Losong Haji Shafie khususnya dan Terengganu amnya berkaitan kesinambungan hayat ilmu pembuatan kraf tradisional ini.

1.6.1 Batasan Kajian

Kajian ini bertumpu sepenuhnya di Kampung Losong Haji Mat Shafie, Kuala Terengganu. Skop kajian bertumpu sepenuhnya kepada keluarga penenun songket Hafsin bin Abd Aziz. Faktor utama pemilihan lokasi ini adalah kerana ia merupakan kawasan utama kegiatan pembuatan kraf songket di Kuala Terengganu yang terkenal dengan penghasilan tenunan songket yang bermutu tinggi dan berkualiti. Malah terdapat juga beberapa bengkel perusahaan songket lain yang berhampiran dalam daerah tersebut.

